

Babitkan diri dengan masyarakat

► Seruan Rozman kepada para mahasiswa di Labuan

UB 18.11.2013 B2

PARA mahasiswa diseru supaya sentiasa mendekatkan diri dengan masyarakat setempat ketika masih berada di menara gading.

Mahasiswa juga diminta mencurahkan kemahiran, kebijaksanaan dan pengalaman mereka kepada pelajar sekolah rendah dan menengah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Ahli Parlimen Labuan, Rozman Isli berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutupan Tamu Gadang 2013, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di Dewan Utama UMSKAL, malam Sabtu lalu.

Beliau yang juga Pengurus Perbadanan Labuan berkata ruang dan peluang yang terhidang untuk berbakti kepada masyarakat seharusnya tidak dilepaskan begitu sahaja oleh mereka.

“Saya berharap warga universiti akan sentiasa membabitkan diri dalam kegiatan kemasyarakatan yang dianjurkan jabatan dan agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan (NGO),” katanya.

Turut hadir Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah,



ISMAIL (dua kiri) menyampaikan cenderamata kepada Harun.

Timbalan Naib Canselor, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Mohd Nadzri Osman, Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said dan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali.

Pada majlis itu, tarian murid Prasekolah Kebangsaan Sungai Lada berjaya menarik perhatian penonton dengan persembahan yang bertenaga dan menghiburkan.

Kumpulan itu telah mewakili Wilayah Persekutuan Labuan ke pertandingan tarian prasekolah peringkat kebangsaan di Shah Alam, Selangor, Oktober lalu.

Rozman

yang juga Pengurus Perbadanan Labuan berasa sangat berbangga menghadiri majlis ini sebagai tanda sokongan dan komitmen terhadap program universiti sekaligus mampu mengeratkan hubungan baik yang sedia terjalin dengan warga UMSKAL.

“Saya sebagai Ahli Parlimen Labuan dan Pengurus



ROZMAN (dua kanan) menerima cenderamata daripada Harun diperhatikan Nadzri (kanan), Ismail (dari kiri), Shariff dan Abdullah.



SHARIFF (dua kanan) turut menyampaikan hadiah cabutan bertuah.

Perbadanan Labuan akan terus membantu menjayakan program universiti terutama yang membabitkan penduduk di 27 buah kampung di pulau bebas cukai ini,” katanya.

Katanya warga universiti sama ada pelajar, pensyarah maupun kakitangan mempunyai kepakaran dan kemahiran tertentu yang sewajarnya dikongsi dengan penduduk tempatan



ISMAIL (kanan) menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada kakitangan UMS Labuan.

khususnya pelajar di sekolah rendah dan menengah bagi menaikkan semangat mereka menjelaskan kaki ke menara gading

Beliau berkata sebagai sebuah IPTA yang tunggal di Wilayah Persekutuan Labuan, kewujudan UMSKAL sememangnya turut membantu menjana ekonomi, industri pelancongan, perhotelan, pengangkutan dan restoran serta kraftangan tempatan melalui kehadiran pelajar, pensyarah dan kakitangan dari dalam dan luar negara.

Rozman juga menyeru warga universiti terutama yang berasal dari luar Labuan supaya membantu mempromosikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai sebuah destinasi pelancongan, hab

pendidikan, hab industri minyak dan gas serta tempat untuk berhati buat ahli keluarga dan rakyat Malaysia amnya.

Katanya Labuan yang telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 16 April 1984 masih memerlukan publiti daripada pelbagai pihak termasuk warga universiti.

Selain itu, beliau menasihatkan pelajar universiti supaya sentiasa menjaga nama baik ibu bapa dan keluarga serta universiti walau di mana jua berada.

“Kita mahu memajukan UMSKAL bukan sahaja sebagai sebuah institusi pengajian tinggi tetapi juga mampu melahirkan insan yang sempurna dari segi intelek dan emosi,” katanya.



PERSEMBAHAN tarian murid Prasekolah Kebangsaan Sungai Lada.



ROZMAN menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada kakitangan UMSKAL, Dr Erina Ag Ibrahim.